

# Pindaan belum dihantar kepada Sultan

8 JUL 2001

ROTA BHARU Rang undang-undang pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kelantan yang diluluskan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) 25 Jun lalu, belum dihantar kepada pihak Istana.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau tidak akan memperakui sebarang kenyataan berhubung penolakan pindaan itu dari pihak Istana selagi jawapan hitam putih belum diberi oleh wakil rasminya dalam tempoh diperuntukkan.

Beliau juga enggan mengulas komen Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung dakwaan keengganan pihak Istana memperkenankan rang undang-undang berkenaan.

"Saya cuma mahu menjelaskan tidak timbul masalah kononnya niat pindaan (perlembagaan negeri) ini berbeza dengan niat pindaan pada peringkat Persekutuan dulu.

"Ini kerana asas pindaan ini adalah pindaan 1994 yang memperincikan maksud sebenar ungkapan *act accordance with advice* (bertindak mengikut nasihat) dan yang memperuntukkan rang undang-undang menjadi undang-undang selepas 30 hari diluluskan." katanva menerusi kenyataan akhbar lima perenggan yang dibaca Setiausaha Politiknva. Anual Bakhri Haron, di sini se&lam.

Khamis lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, keengganan Sultan Kelantan memperkenankan pindaan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kelantan dibuat atas budi bicara baginda dan bukan kerana memihak kepada mana-mana parti politik.